

KPN rangka 106 program semarak #KeluargaMalaysia

CHERAS - Kementerian Perpaduan Negara (KPN) merangka 106 inisiatif di bawah Program Semarak UNITI #Keluarga Malaysia yang dilaksanakan di seluruh negara.

Menterinya, Datuk Halimah Mohamed Sadique berkata, inisiatif tersebut dilaksanakan seperti diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob melibatkan aspirasi #KeluargaMalaysia.

Menurutnya, program-program berkenaan dilaksanakan oleh pihaknya dengan kerjasama daripada pelbagai agensi kerajaan negeri dan swasta.

Beliau berkata, antara program dilaksanakan ialah Program Galeri UNITI #KeluargaMalaysia yang dirasmikan di AEON BiG Bandar Tun Hussein Onn di sini pada Sabtu.

"Kali ini kita nak kembangkan program ini bukan sahaja menerusi jabatan-jabatan di bawah KPN te tapi juga bersama pihak swasta seperti AEON BiG (Malaysia) Sdn Bhd (AEON BiG).

"Kita laksanakan program Galeri UNITI #KeluargaMalaysia ini di sembilan buah lokasi di pasar raya AEON BiG terpilih seluruh negara bermula 29 September hingga 9 Oktober," katanya selepas majlis perasmian program tersebut di sini pada Sabtu.

Dalam pada itu, Halimah turut mengalu-alukan kerjasama daripada pelbagai agensi dan syarikat lain yang mahu membantu pihaknya menyebarkan



FOTO: SINAR HARIAN/ ROSLI TALIB

Halimah (dua dari kanan) bersama Sheikh Farouk (dua dari kiri) melancarkan Galeri UNITI Keluarga Malaysia di AEON BiG Bandar Tun Hussein Onn pada Sabtu.

semangat perpaduan kaum di Malaysia.

Setakat ini, pihaknya menghubungi beberapa syarikat pasar raya seperti Econsave dan Mydin Mohamed Holdings Berhad (Mydin) yang bersedia menjalinkan kerjasama dengan pihak KPN.

"Saya harap lebih ramai rakan ba-

haru akan menyertai kami," katanya.

Sementara itu, Pengarah Urusan AEON BiG, Sheikh Farouk Sheikh Mohamed berkata, program Galeri UNITI #KeluargaMalaysia merupakan usaha KPN meraikan semangat muhibah bagi mengeratkan hubungan se-

Senarai lokasi program

- AEON BiG Bandar Tun Hussein Onn, Cheras, Kuala Lumpur
- AEON Bandar Baru Klang, Selangor
- AEON BiG Batu Pahat, Johor
- AEON BiG Falim, Ipoh, Perak
- AEON BiG Penang Prai, Pulau Pinang
- AEON Bandaraya Melaka
- AEON Kota Bharu, Kelantan
- AEON Kuching, Sarawak
- AEON Seremban 2, Negeri Sembilan

sama warga kerja AEON BiG dan pelanggannya.

Katanya, semangat kebersamaan itu dapat menjamin kelangsungan keamanan dan kemakmuran masyarakat.

"Kami ingin menjadikan pasar raya bukan sahaja tempat beli-belah tetapi tempat perkongsian maklumat dan aktiviti sosial yang berguna kepada masyarakat, selain memastikan hubungan bersama komuniti melalui kerjasama dalam pelbagai aktiviti," katanya.

Program Galeri UNITI #KeluargaMalaysia merupakan platform yang menghimpunkan detik-detik perpaduan merentasi sempadan kaum, agama, budaya dan bahasa.

Antara pengisian program berkenaan ialah pameran Rumah KAMI, reruai Citarasa Menu #KeluargaMalaysia, persembahan busana etnik #KeluargaMalaysia dan lain-lain.